



## **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### **SEMPENA**

**MAJLIS PELANCARAN ANUGERAH *CIRCULAR ECONOMY*  
(KOMUNITI) & PROGRAM PENGHARGAAN BERKEBUN DI  
HALAMAN RUMAH WARGA KERJA MBSP**

### **TARIKH / MASA / TEMPAT**

**07 OKTOBER 2021 (KHAMIS)  
10.00 PAGI**

**DEWAN KENANGA MENARA MBSP  
BANDAR PERDA**

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati WHIP Parti  
**Encik David Marshel a/l Pakianathan**  
**Encik Ahmad Rizal bin Abd Hamid**  
**Encik Muhamad Suzuki bin Ahmad**

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Tuan Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid**  
Pemangku Setiausaha Bandaraya  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Encik Lim Yu Chin**  
Managing Director  
ESH Resources Management Sdn. Bhd.

**Warga Kerja**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdullilah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama bertemu dan berkumpul pada pagi ini secara *online* dalam Majlis Pelancaran Anugerah *Circular Economy* (Komuniti) dan Program Penghargaan Berkebun di Halaman Rumah Warga Kerja MBSP anjuran bersama Majlis Bandaraya Seberang Perai dan ESH Resources Management Sdn. Bhd.

Terlebih dahulu izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Dihormati WHIP Parti dan Ahli-Ahli Majlis MBSP; Yang Berusaha Tuan Pemangku Setiausaha Bandaraya MBSP; Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan, warga kerja MBSP, para peserta program Anugerah *Circular Economy* (Komuniti) dan Program Penghargaan Berkebun di Halaman Rumah yang sudi hadir untuk menjayakan program ini.

Sekalung penghargaan kepada Encik Lim Yu Chin, *Managing Director* ESH Resources Management Sdn. Bhd. bersama pasukan beliau yang petama kali berkolaboarsi dengan MBSP untuk menjalin *smart partnership*

melalui konsep 7Ps (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher and Planet Partnership*) dalam pelaksanaan Program Anugerah *Circular Economy* (Komuniti).

### **Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Hari ini kita akan menyaksikan dua program berjalan serentak iaitu Majlis Pelancaran Anugerah *Circular Economy* (Komuniti) dan Program Penghargaan Berkebun di Halaman Rumah Warga Kerja MBSP. MBSP amat komited untuk membawa perubahan kepada rakyat Seberang Perai melalui pembangunan ekonomi yang memberi tumpuan kepada ekonomi sirkular (*circular economy*) dan ekonomi digital (*digital economy*).

Program Anugerah *Circular Economy* (Komuniti) merupakan satu pertandingan yang melibatkan kumpulan-kumpulan komuniti dan pengusaha industri di Seberang Perai untuk mendapatkan penarafan bintang berdasarkan aktiviti-aktiviti kitar semula, *upcycle*, pengasingan sisa organik, pengkomposan, kebun komuniti, jualan hasil dan lain-lain aktiviti yang boleh dikaitkan dengan *Circular Economy*.

Pertandingan ini adalah salah satu cara untuk menarik minat warga Seberang Perai untuk melibatkan diri mengambil tindakan pro aktif dengan meneroka model ekonomi baru iaitu *Circular Model* yang berpaksikan penggunaan semula produk dan bahan mentah serta mencegah pembaziran dan pelepasan yang merbahaya ke tanah, air dan udara.

Dalam erti kata mudah, *Circular Model* menumpukan untuk *closing the loop* dan meningkatkan kecekapan penggunaan sumber (*resource efficiency*) dalam memaksimakan penghasilan produk dan meminimakan penghasilan sisa buangan. *Circular Model* ini dijangka dapat mengurangkan tekanan kepada tapak pelupusan akhir kerana bahan buangan dapat dimasukkan semula dalam kitaran bagi dijadikan produk yang baharu sekaligus mengurangkan kebergantungan terhadap bahan mentah.

Syarat-syarat penyertaan adalah:-

- i. Terbuka kepada semua komuniti di Seberang Perai yang tidak kurang dari 50 buah rumah. Bagi pengusaha industri pula tidak kurang dari 300 orang pekerja.
- ii. Telah berjaya melaksanakan aktiviti seperti (kitar semula, pengasingan sisa organik, pengkomposan, *upcycle*, kebun komuniti dan jualan hasil).

- iii. Tarikh tutup penyertaan ialah pada 30 Oktober 2021.
- iv. Tarikh tutup hantar laporan ialah pada 15 November 2021.
- v. Penilaian pertandingan akan diadakan pada akhir November 2021 dan keputusan panel juri adalah muktamad.

Penarafan bintang Anugerah Circular Economy (Komuniti) adalah seperti berikut:-

- i. **Lima Bintang** di mana 50% penghuni sesuatu komuniti terlibat dalam aktiviti kitar semula, pengasingan sisa organik, pengkomposan, upcycle, termasuk jualan hasil di growth market.
- ii. **Empat Bintang** di mana 50% penghuni sesuatu komuniti melaksanakan aktiviti kitar semula, mengasingkan sisa organik, pengkomposan dan *upcycle*.
- iii. **Tiga Bintang** di mana 50% penghuni sesuatu komuniti menjalankan aktiviti kitar semula, mengasingkan sisa organik dan pengkomposan.
- iv. **Dua Bintang** di mana 50% penghuni sesuatu komuniti terlibat dalam aktiviti kitar semula dan pengasingan sisa organik.

- v. **Satu Bintang** di mana 50% penghuni sesuatu komuniti hanya melaksanakan aktiviti kitar semula.

Pertandingan ini ditaja oleh Syarikat ESH Resources Management Sdn. Bhd. dan para pemenang pertandingan akan diberikan Sijil Penarafan Bintang berserta wang tunai dan hadiah.

Anugerah Lima Bintang	-	RM500.00 berserta hadiah
Anugerah Empat Bintang	-	RM400.00 berserta hadiah
Anugerah Tiga Bintang	-	RM300.00 berserta hadiah
Anugerah Dua Bintang	-	RM200.00 berserta hadiah
Anugerah Satu Bintang	-	RM100.0 berserta hadiah

### **Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhasrat untuk mewujudkan 100 hab kebun komuniti berkonsepkan pertanian bandar (*urban farming*) dengan aktiviti penanaman sayur-sayuran secara organik di Pulau Pinang dalam tempuh lima tahun bermula tahun 2020. MBSP telah melaksanakan Program Kebun Komuniti di Seberang Perai, sehingga kini terdapat 30

komuniti yang terlibat, di mana 11 komuniti adalah daripada Seberang Perai Utara (SPU), 12 komuniti daripada Seberang Perai Tengah (SPT) dan tujuh (7) komuniti daripada Seberang Perai Selatan (SPS).

Melalui inisiatif *community farming* ini, adalah menjadi hasrat Kerajaan Negeri agar komuniti berdekatan dapat menikmati hasil tanaman dengan mudah. Secara tidak langsung, ia juga dapat diguna pakai untuk menjana ekonomi sosial jangka pendek kepada komuniti berdekatan dalam mewujudkan pekerjaan harian atau bulanan khasnya di kalangan golongan berpendapatan rendah serta yang terjejas akibat pandemik Covid-19.

MBSP amat menekankan aktiviti berkebun di halaman rumah di mana penduduk dapat mengendalikan dan mempraktikkan pembuatan kompos dari sisa makanan di rumah. Semasa pandemik Covid-19, MBSP telah mula memperkenalkan “*Backyard Gardening*” atau “*Balcony Gardening*” kepada wira oren. Harapan saya jika semua penduduk dapat mewujudkan *urban farming*, *backyard gardening* atau *balcony gardening* dan membuat baja kompos sendiri, 40% daripada sisa yang bersamaan 246,000 tan dapat dialih daripada dibawa ke tapak pelupusan. Seterusnya, ini akan mengurangkan *tipping fees* sebanyak RM5.47juta, mengurangkan penghasilan jejak karbon sebanyak 307.5 kilo tan CO<sub>2</sub>e dan mengekang

pemanasan global supaya tidak melebihi  $1.5^{\circ}\text{C}$ . Di samping itu, penduduk dapat memakan sayur segar dan menjadikan komuniti serta Seberang Perai yang lebih mampan.

Program Berkebun Di Halaman Rumah ini sejajar dengan sasaran MBSP, iaitu penduduk dapat mengendalikan dan mempraktikkan pembuatan kompos dari sisa makanan di rumah, mencapai kadar kitar semula sebanyak 70% pada tahun 2022 dan akhir sekali mewujudkan komuniti rendah karbon dalam menjadikan Seberang Perai sebagai *low carbon city* menjelang 2022, menjadi *carbon neutral city* pada tahun 2030, (10 tahun dari Januari 2020) dan menjadi *zero carbon city* pada tahun 2050.

### **Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

MBSP telah ke hadapan dalam usaha mengurangkan penghasilan jejak karbon. Sukacita saya ingin mengisyiharkan satu rekod yang membanggakan, iaitu penduduk Seberang Perai telah berjaya mengurangkan penghasilan gas rumah hijau (*Green House Gases – GHG*) dari 8-ton CO<sub>2</sub>e pada tahun 2017 kepada 6.31-ton CO<sub>2</sub>e atau 21% pengurangan penghasilan karbon pada tahun 2020. Manakala kadar kitar

semula pada tahun 2020 telah mencapai 55.91% yang merupakan kadar pencapaian tertinggi di Malaysia.

Terima kasih sekali lagi kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Ahli-Ahli Majlis, Tuan Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan, ESH Resources Management Sdn. Bhd., warga kerja MBSP dan seluruh warga Seberang Perai dalam memberikan komitmen penuh dalam menjayakan program-program MBSP, dasar-dasar baru MBSP dan Hala Tuju MBSP dan saya pasti dengan komitmen ini, “**Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan**” atau “**Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow**” dapat direalisasikan pada tahun 2022.

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, dengan rasa besar hati dan dengan lafaz “**Bismillahirrahmanirrahim**” saya dengan ini melancarkan Program Anugerah *Circular Economy* (Komuniti) & Program Penghargaan Berkebun Di Halaman Rumah Warga Kerja MBSP.

**Sekian,**

**Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.**

**Terima kasih, Xie Xie, Nandri, Thank You.**